

UCAPAN ALU-ALUAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
YANG DI-PERTUA BAKTI
DI MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-12
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 28HB. JUN, 1989
PUKUL 2.00 PETANG

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Salam sejahtera kepada saudara-saudari sekalian. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana Majlis Perasmian Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-12 telah disempurnakan dengan baik sebentar tadi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para hadirin sekalian kerana masih lagi bersama-sama dengan saya di Majlis ini.

2. Bagi pihak ahli-ahli BAKTI, saya ingin merakamkan terima kasih kepada ahli-ahli yang telah bersara, khususnya kepada Yang Berbahagia Puan Sri Chan Kwai Ying dan Yang Berbahagia Datin Janice Oo. Saya juga mengharapkan agar mereka berdua akan terus erat bersama BAKTI dan akan memohon menjadi Ahli Bersekutu.

3. Di samping itu juga saya ingin mengucapkan selamat datang kepada ahli-ahli baru dan tahniah di atas perlantikan suami masing-masing. Mereka ialah:

- a) Yang Berbahagia Datin Agnes Lim, isteri kepada Yang Berhormat Dato Lim Ah Lek, Menteri Buruh.
- b) Yang Berbahagia Puan Ting, isteri kepada Yang Berhormat Dr. Ting Chew Peh, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.
- c) Yang Berbahagia Datin Molina Nijhar, isteri kepada Yang Berhormat Datuk K.S. Nijhar, Setiausaha Parlimen di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
- d) Yang Berbahagia Puan Chua, isteri kepada Yang Berhormat Encik Chua Jui Meng, Setiausaha Parlimen di Kementerian Kesihatan.

Saya berharap semoga ahli-ahli baru ini akan dapat memainkan peranan masing-masing sepenuhnya serta bersedia untuk menyumbangkan pendapat dan tenaga demi untuk kepentingan BAKTI.

4. Pada sesi 1988/89, penglibatan ahli dalam aktiviti-aktiviti serta mesyuarat-mesyuarat BAKTI kurang menggalakkan. Perlu saya tegaskan di sini, bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa kecil adalah bertujuan melengkap dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli dan tidak

sekali-kali bertujuan untuk membuang masa. Penyertaan ahli-ahli di dalam mesyuarat-mesyuarat BAKTI akan membawa ahli-ahli 'up-to-date' dengan program dan rancangan tahunan BAKTI, serta keputusan-keputusan mengenai kewangan dan sekaligus ahli akan faham akan peranan dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan dalam menjayakan program-program tersebut. Penyertaan ahli-ahli dalam aktiviti-aktiviti BAKTI telah dicatat seperti berikut:

<u>Tarikh</u>	<u>Perkara</u>	<u>Kehadiran</u>
9/9/88	Ceramah Ketenteraman	
	Fikiran	12 orang
14 hingga	Pertandingan Piala	
16/10/88	Toh Puan Suhaila, di Dewan Sivik, Petaling Jaya	6 orang
2/11/88	Mesyuarat BAKTI	
	Pertama	29 orang
11/11/88	Majlis Maulid-Ir-Rasul	21 orang
18/1/89	Ceramah agama oleh Prof. Dato ¹ Harun Din	9 orang
24/1/89	Ceramah penjagaan kulit oleh Madame Iki	12 orang
27/1/89	Mesyuarat BAKTI Kedua	27 orang
18/4/89	Projek bungkusan Hari Raya untuk Anggota Keselamatan	32 orang

1/6/89	Ceramah Protokol	13 orang
3/6/89	Mesyuarat BAKTI Ketiga	31 orang
14/6/89	Lawatan ke Bank Negara	26 orang
23/6/89	Kursus CPR	22 orang

Begitu juga dengan sambutan yang kurang memuaskan apabila diadakan kelas gamelan dan latihan badminton.

5. Dalam hal ini, saya ingin memperingatkan sekali lagi kepada semua ahli akan tujuan-tujuan asas BAKTI diwujudkan, iaitu:

- a) beramal kepada masyarakat
- b) mengumpul isteri pemimpin-pemimpin negara supaya terjalin silaturahim dan dengan itu dapat digemblingkan tenaga mereka untuk mencapai tujuan pertama.
- c) melengkapkan ahli dengan pengetahuan dan kemahiran yang difikirkan perlu diketahui oleh isteri pemimpin-pemimpin supaya mereka sedar akan tanggungjawab dan tugas masing-masing.

Saya sangat berharap agar pada sesi 1989/90 ini penglibatan ahli-ahli akan dapat dilipat-gandakan.

6. Pada hari ini kita akan memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa Tadbir sesi 1989/90. Saya berharap ahli-ahli semua akan membuat pilihan yang bijak supaya mereka yang

dilantik nanti akan dapat menjalankan tugasnya dengan baik, penuh dedikasi, jujur dan sempurna.

7. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Tadbir 1988/89 yang telah menjalankan tugas dengan baik, walaupun saya tidak ada bersama buat seketika. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi-pengerusi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang telah berjaya mengaturkan aktiviti-aktiviti masing-masing.

8. Akhir sekali, saya mengucapkan selamat bermesyuarat dan saya berdoa semoga perbincangan ini akan dapat dijalankan dengan licin dan sempurna. Dengan ini, saya menjemput para hadirin sekalian ke agenda yang kedua.
